



Destinasi Misteri

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- | | |
|---|--|
| <p>1 I Alin amat rindu <i>dengan</i> kucingnya yang hilang.
II Mesyuarat dimulakan <i>dengan</i> ucapan pengerusi persatuan.
III <i>Dengan</i> berbekalkan semangat waja, dia meneruskan pendakiannya.
IV Haslina hendak bertemu <i>dengan</i> adik kembarnya yang telah terpisah.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> <p>2 I Perkara itu <i>sulit</i> untuk dihuraikan kerana melibatkan banyak pihak.
II Ibu kelihatan begitu <i>sulit</i> untuk bangun kerana sakit lutut yang dialaminya.
III <i>Sulit</i> hidupnya sejak kematian ibu dan bapanya.
IV Dia sudah <i>sulit</i> untuk kembali ke tempat itu lagi.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> | <p>3 I Huda memotong <i>serong</i> kulit popia itu.
II Hancur hati ibu apabila melihat perbuatan <i>serong</i> anaknya itu.
III Ahmad risau melihat pokok getah yang <i>serong</i> ditiup angin itu.
IV Halim tidak menganggap perbuatannya itu <i>serong</i> di sisi undang-undang.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> <p>4 I Sudah seminggu adik tidak <i>lalu</i> makan kerana demam.
II Ibu berpesan kepada kakak agar tidak mengenang peristiwa <i>lalu</i> yang menggores hatinya.
III Dia tidak mahu <i>lalu</i> di kawasan yang menyeramkan itu.
IV Ahmad sangat letih <i>lalu</i> dia tidak dapat tidur.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja</p> |
|---|--|

Bahagian B

Dalam petikan di bawah ini, terdapat **tiga kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Gunung Jerai menjadi salah satu pusat pelancongan yang terkenal di Kedah. Namun, ada kisah misteri disimpan di sini. Kisah yang terpalang popular bagi sesetengah penduduk tempatan tentang Gunung Jerai ialah kisah orang bunian. Gunung itu dikatakan menjadi penempatan bunian terbesar yang seorang raja perintah. Penduduk di sekitar Gunung Jerai percaya bahawa kawasan itu mempunyai sekurang-kurangnya tiga buah perkampungan bunian. Bunian ini dikatakan akan menjadikan diri mereka menyerupai siapa-siapa sahaja yang disukainya termasuk perempuan cantik.

- 1 _____
- 2 _____
- 3 _____